

KUALA LUMPUR, 9 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa sektor swasta hari ini supaya meneruskan usaha-usaha kerajaan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan.

Memandangkan kerajaan sudah memperuntukkan \$400 juta untuk P dan P, sudah tiba masanya sektor swasta menyokong usaha-usaha itu dengan membabitkan diri dalam kegiatan sedemikian, katanya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas menyaksikan upacara menandatangani perjanjian antara Sime Darby Berhad dan Sumitomo Rubber Industries Limited (SRI) untuk menubuhkan sebuah pusat teknologi tayar serantau yang bernilai \$100 juta di Petaling Jaya.

Beliau juga menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Sime Tyres International, syarikat anggota kumpulan Sime Darby, dan SRI bagi projek pengeluaran komersil tayar lapis bersilang untuk kereta dan trak ringan untuk pasaran eksport.

Katanya, kerajaan akan berusaha bersungguh-sungguh untuk menggalak kegiatan P dan P. Ini dibuktikan melalui peruntukkan \$400 juta untuk institusi-institusi penyelidikan bagi tujuan P dan P oleh sektor swasta, tambahnya.

Dr Mahathir berkata bahawa selain daripada Jepun, Malaysia mempunyai perjanjian P dan P dengan beberapa negara barat termasuk Amerika Syarikat, yang memudahkan pemindahan teknologi ke Malaysia.

Terdahulu daripada itu, ketika memuji langkah Sime Darby dan SRI menjalin kerjasama, beliau berkata bahawa ia merupakan usahasama yang paling baik antara sebuah syarikat di sebuah negara maju dan sebuah pertubuhan serantau yang sedang berkembang dari sebuah negara membangun.

Ini kerana kumpulan Sime Darby akan membabitkan tiga kilang tayar dari dua negara Asean dalam perjanjian itu, yang sebagai tambahan, menawarkan prospek bagi pengalaman kerja pratikal untuk tayar jentolak getah asli yang besar, yang digunakan dalam banyak projek pembangunan dan operasi perlombongan di rantau ini.

Dr Mahathir berkata, projek itu adalah pemindahan teknologi yang tulin yang membabitkan getah asli, sumber komoditi asas dari negara-negara membangun, yang mengabungkan usaha penyelidikan dan pembangunan bersama bagi mempertingkatkan keluaran yang sedia ada bagi pasaran-pasaran di seluruh rantau Asia Pasifik.

Beliau juga berkata bahawa keberkesanan dan manfaat pemindahan teknologi itu terletak kepada usaha-usaha yang dijalankan oleh kedua-dua pihak.

+Hubungan kerja yang baik amat diperlukan bagi menjamin perjanjian itu bermakna,+ katanya. -- Bernama